

**B.M. - 9 JUL 1973**

**BUTTERWORTH, Ahad**

**K**ERAJAAN hari ini disyorkan supaya menetapkan harga padi sekurang-kurangnya \$20 sepikul sebagai harga minima bagi seluruh negara untuk menolong petani-petani meninggikan pendapatan mereka.

Syor tersebut dibuat oleh Senator Dr. Mahathir Mohamad ketika merasmikan Rumah UMNO Cawangan Telok Ayer Tawar, 6 batu dari sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, amat patut Kerajaan menetapkan harga minima padi itu memandangkan jasa-jasa pentani kepada negara dan bagaimana nasib mereka bergantung kepada belas kesihan pengilang-pengilang yang menetapkan harga padi.

Katanya, 90 peratus dari pengeluaran beras negara ini adalah hasil usaha petani negeri ini yang menanam padi dua kali

setanun.

Menurutnya, negara akan menghadapi krisis beras yang hebat sekiranya petani-petani menumpukan 50 peratus saja usaha kepada sawah mereka kerana tawar-hati dengan harga minima padi yang tidak adil.

Menetapkan harga minima padi yang berpatutan dan adil akan mengelakkan kemungkinan itu dari berlaku.

Bellau berkata: "Saya terpaksa menyentuh tentang masalah harga padi ini memandangkan masalah ini adalah besar dan akan menentukan nasib petani di negara ini."

### Tuntutan

Bellau yakin pemimpin-pemimpin kanan UMNO akan bersimpati dengan nasib petani dan bersedia menunaikan tuntutan yang adil dari mereka khususnya tentang masalah harga.

Katanya, harga minima \$20 sepikul bagi padi itu tidak akan menjejaskan

harga beras sekarang kerana penjual-penjual beras tidak akan rugi dengan harga minima sebanyak itu.

Terdahulu dari itu, bellau telah memuji Lembaga Padi dan Beras Negara kerana telah menaikkan harga padi dari \$19 kepada \$23 sepikul di kawasan Muda dan Kemubu.

Bagaimanapun, menurutnya, di Seberang Prai dan tempat-tempat lain harga minima masih lagi \$16 sepikul.

### Membidas

Dr. Mahathir juga telah membidas belia-belie Bumiputera yang enggan memenuhi peluang pekerjaan yang ditawarkan dengan alasan tertentu.

Bellau menyebut ramai belia Bumiputera telah menolak tawaran bekerja di Ladang tebu usaha bersama swasta dan Fel-da di Perlis kerana alasan-alasan tertentu.

Sikap seperti itu, katanya, sangatlah mendukacitakan.

Bellau menambah, belia Bumiputera tidak akan mencapai kejayaan selagi mereka tidak sanggup memikul kerja-kerja yang agak susah.